

11-11-2018



UMI Zaidatul dicium ayah dan ibunya pada majlis Konvokesyen ke-13 UMP, semalam.



JOANNE menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

## Anugerah balas jasa ibu bapa

**Kuantan:** Kesungguhan ibu bapa menyediakan pendidikan sempurna untuk anak walaupun mereka sendiri tidak berpendidikan tinggi, mendorong graduan ini belajar bersungguh-sungguh.

Umi Zaidatul Azeera Mohd Nawi, 23, membalsas budi orang tuanya apabila menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke-13 di sini, semalam.

Katanya, dia terharu melihat jerih perih ibu bapanya, Mohd Nawi Abdul Latif dan Sabariah Anang yang masing-masing berusia 55 tahun, membanting tulang empat kerat untuk membesarkan dia serta tiga adik-beradik lain dengan menjadi peneroka di FELDA Kerteh 4, Ketengah

Jaya, Terengganu.

"Ibu tahu jadual termasuk bila saya menjalani kuiz atau ujian. Jadi, ibu membacakan surah Yasin untuk ketenangan saya, doa ibu bapa sememangnya berkat kepada anak untuk melalui proses pengajian," kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer dan Rangkaian) selepas menerima anugerah daripada Canselor UMP Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Pemangku Raja Pahang.

Sepanjang pengajiannya, Umi Zaidatul Azeera yang kini bekerja sebagai juru analisis teknologi maklumat di Intel Corporation (M) Sdn Bhd memperoleh pelbagai anugerah, antaranya Anugerah Tokoh Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Anugerah Dekan bagi

setiap semester.

Dia juga berterima kasih kepada UMP kerana memberinya peluang dan tanggungjawab sepanjang melanjutkan pengajian di universiti berkenaan.

"Skop kerja sekarang sesuai dan bertepatan dengan silibus dipelajari di UMP. Saya berharap dapat menjadi insan yang mampu memberi khidmat terbaik kepada masyarakat serta menjadi teladan khususnya untuk generasi muda," katanya yang meraih Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75.

Sementara itu, Joanne Bong Shan Shan, 24, yang turut mendapat Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) berkata, pembabitan aktifnya dalam persatuan bukan halangan baginya cemerlang dalam akademik dengan meraih

PNGK 3.90 dan mendapat Anugerah Dekan tujuh kali.

Joanne yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dan kini bertugas sebagai penganalisis digital di sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur berkata, dia seronok dengan pengalaman kampus di UMP kerana pensyarahnya sentiasa bersedia membantu dan mendengar masalah penuntut, sekali gus menganggap mereka sebagai kawan.

Dia yang berasal dari Kuching, Sarawak pernah merangkul pelbagai anugerah sepanjang pengajian, antaranya Anugerah Srikandi 2015, Anugerah Tunas Harapan 2017 dan tiga program terbaik dalam Anugerah Tokoh Siswa 2016 (kategori pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar).